

## **TERMA DAN SYARAT/PERATURAN IBU BAPA TASKA QISTINA**

1. Pada hari pendaftaran TASKA memerlukan :
  - a) Borang pendaftaran masuk.
  - b) Dua salinan surat beranak, IC ibubapa dan rekod imunisasi kanak-kanak.
2. Pihak TASKA tidak bertanggungjawab terhadap anak-anak yang sakit, demam pada suhu yang tinggi, atau mengidap sebarang penyakit berjangkit, ibubapa perlu membawa pulang anak-anak mereka.
3. Ibubapa bertanggungjawab memberitahu TASKA sekiranya anak-anak mereka mengidap sebarang penyakit berjangkit seperti HFMD, H1N1, campak, 'chicken pox', kudis buta, sakit mata, beguk, demam disebabkan jangkitan virus, batuk, dan seumpama. Pihak TASKA berhak menolak kehadiran anak-anak tersebut jika penyakit tersebut boleh memudaratkan kepada kanak-kanak lain di TASKA.
4. Pihak TASKA akan mendapatkan kebenaran daripada ibubapa untuk menghantar anak-anak ke klinik sekiranya anak-anak tercedera seperti jatuh atau sakit semasa dalam penjagaan TASKA untuk mendapatkan rawatan dalam keadaan kecemasan.
5. Waktu Operasi TASKA :

Isnin- Jumaat	:	7.30 pagi hingga 6.00 petang
---------------	---	------------------------------

❖ Sekiranya anak-anak dihantar sebelum jam 7 pagi, caj OT akan dikenakan seperti biasa.
6. Para ibubapa/penjaga **tidak dibenarkan** membawa alat permainan persendirian, barang kemas, makanan segera ke TASKA untuk mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku seperti kehilangan, kerosakan dan sebagainya dan pihak TASKA tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kerosakan dan kehilangan.
7. Peralatan yang dibekalkan untuk keperluan anak-anak mestilah dilabelkan nama. Botol susu, dan puting botol hendaklah sentiasa dalam keadaan bersih. Puting botol yang kotor dan pecah hendaklah ditukar.
8. Meneruskan kesinambungan program yang disediakan di TASKA seperti latihan makan sendiri, pakai pakaian sendiri.
9. **Yuran bulanan dan yuran lain-lain yang telah dibayar tidak akan dipulangkan semula walau dengan apa-apa alasan.**
10. Waktu ketibaan kanak-kanak adalah jam 7.30 pagi hingga 8.30 pagi (anak-anak yang terlewat hadir keTASKA mestilah berkeadaan bersih dan sudah bersarapan pagi supaya tidak mengganggu guru dan anak-anak lain yang sedang menjalankan aktiviti.)
11. Ibubapa perlu memaklumkan orang yang akan menjemput anak-anak di taska, sekiranya mereka tidak sempat untuk menjemput anak mereka.

Saya dengan ini mengesahkan segala maklumat yang diberikan dalam borang pendaftaran adalah betul dan benar. Saya juga akan menerima dan memahami segala peraturan-peraturan Taska Qistina. Sebarang kegagalan untuk mengikuti secara oral dan tingkah laku, Taska Qistina mempunyai hak untuk memberhentikan tanpa notis & serta merta dengan tanpa pulangan bayaran.

Tandatangan ibu/ bapa/ penjaga

Tandatangan Pengetua Taska

Tarikh:

Tarikh:

## **KADAR YURAN**

### **YURAN BULANAN:**

1. Umuranak:
  - i. 0 bulan – 1tahun++ RM 800.00 seorang
  - ii. 2 tahun – 3 tahun RM 700.00 seorang
  - iii. 3 tahun – 4 tahun RM 650.00 seorang
2. Caj lebih masa akan dikenakan bagi setiap anak selepas jam 6.00 petang (Isnin – Jumaat) dengan kadar RM17.00 setiap jam.

## **PERATURAN IBU-BAPA**

### **Waktu TASKA QISTINA**

Waktu operasi TASKA adalah antara jam 7.30 pagi hingga 6.00 petang.

### **Waktu Ketibaan Anak-anak**

7.30 pagi hingga 8.30 pagi (anak-anak yang terlewat hadir ke TASKA mestilah berkeadaan bersih dan sudah bersarapan pagi supaya tidak mengganggu guru dan anak-anak lain yang sedang menjalankan aktiviti)

### **Waktu Melawat**

Pada waktu bekerja selain yang telah ditetapkan, ibu-bapa tidak dibenarkan melawat anak-anak di TASKA kecuali setelah mendapat kebenaran terlebih dahulu dari pengurus taska.

**\*waktu melawat adalah bermula dari pukul 1.00pm- 2.00pm sahaja. Selain dari waktu yang ditetapkan, ibu bapa tidak dibenarkan masuk ke dalam taska. Hanya ibu sahaja yang dibenarkan masuk ke dalam taska. Di waktu wabak atau PKP, tiada lawatan yang boleh diterima melainkan untuk tujuan menyusu sahaja.**

### **Penglibatan ibu-bapa**

- Penglibatan ibubapa adalah amat digalakkan.
- Contoh aktiviti penglibatan yang dicadangkan ialah:
  - Membantu di dalam apa-apa program yang telah disusun.
  - Memberi cadangan-cadangan yang membina dari masa ke semasa.
  - Membekalkan bahan-bahan untuk anak-anak.
  - Menjadi pakar rujuk (resource person)
  - Mematuhi segala peraturan dan larangan yang telah ditetapkan.
  - Bersikap terbuka terhadap pendidik dan anggota kerja TASKA.

Senarai barang yang perlu disediakan oleh ibubapa sebagai memenuhi keselesaan dan kelengkapan harian kanak-kanak sepanjang berada di TASKA.

### **Kumpulan kanak-kanak : 2 bulan – 2 tahun**

BIL	JENIS-JENIS BARANG	UNIT
1.	Baju	4 Pasang
2.	Tuala mandi	1 Helai
3.	Sikat	1 Unit
4.	Pampers	5 Keping
5.	Tuala kecil	2Helai
6.	Botol susu	2 Botol
7.	Susu	Sekucupnya
8.	Plastik kecil (untuk baju kotor)	2 unit

Senarai barang yang perlu disediakan oleh ibubapa sebagai memenuhi keselesaan dan kelengkapan harian kanak-kanak sepanjang berada di TASKA.

**Kumpulan kanak-kanak : 3 – 4tahun**

BIL	JENIS-JENIS BARANG	UNIT
1.	Baju	3 Pasang
2.	Tuala mandi	1 Helai
3.	Berus gigi/ubatgigi	1 Unit
4.	Pampers	5 Keping
5.	Tuala kecil	2 Helai
6.	Botol susu	1 Botol
7.	Susu	Secukupnya
8.	Plastik kecil	1 unit
9.	Selipar/kasut	Sepasang

**Kumpulan kanak-kanak :Separuh hari & Transit**

Senarai barang yang perlu disediakan oleh ibubapa sebagai memenuhi keselesaan dan kelengkapan harian kanak-kanak sepanjang berada di TASKA.

BIL	JENIS-JENIS BARANG	UNIT
1.	Baju	2 Pasang
2.	Tuala mandi	1 Helai
3.	Berus gigi/ubatgigi	1 Unit
4.	Sikat	1 Unit
5.	Tuala kecil	1Helai
6.	Plastikkecil	1 Unit